



MAHKAMAH SYARIAH SARAWAK

ARAHAN AMALAN NO. 3 TAHUN 2001

PERAKUAN SEGERA DAN PERINTAH SEMENTARA

Saya ingin menarik perhatian Y.A./Tuan/Puan kepada Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.2/2000 pada 9-11 Oktober 2000 di Melaka dan keputusan Mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie kali ke 17 di Labuan 27 Oktober 2000 bersamaan dengan 26 Rejab 1421 telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerimapakai arahan berhubung Perakuan Segera dan Perintah Sementara sesuatu kes. Permohonan Perakuan Segera ini hendaklah terus didengar pada hari difailkan atau paling lewat dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh difailkan bergantung kepada alasan yang dikemukakan.

2. Perintah sementara boleh dibuat oleh Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rendah yang berbidang kuasa atas permohonan pihak-pihak semasa prosiding kes sedang berjalan.
3. Arahan Amalan ini adalah berkuatkuasa mulai **1 Julai 2001**.



(YAA TUAN HAJI SAM B H J OJEH)
Ketua Hakim Syarie

Rujukan : MS/0/41 JLD. 2 (11)
Takwim : 27 Rabiul Awwal 1422H
Tarikh : 19 Jun 2001